

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21 Mac 2017

SOALAN

Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian dalam menyediakan TASKA dapat membantu pihak-pihak yang berminat dan sejauh manakah pemantauan dilakukan oleh Kementerian dalam menangani TASKA supaya tidak berlaku seperti di TASKA di Kajang baru-baru ini.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terutamanya bagi membantu pihak yang berminat untuk menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Penubuhan TASKA hendaklah mengikut Akta TASKA 1984 (Akta 308) dan Peraturan-Peraturan TASKA 2012. JKM hanya mendaftarkan TASKA yang dikendalikan oleh pengusaha swasta dan pengoperasian TASKA yang dikendalikan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan) dan agensi-agensi dibawah pentadbiran Kerajaan Negeri tidak perlu berdaftar dengan JKM seperti peruntukan Seksyen 3 Akta TASKA. Dalam memastikan piawaian yang terbaik, Kementerian telah menetapkan prosedur standard operasi (SOP) melalui Buku Garis Panduan Penubuhan TASKA. 1. Antara SOP yang terdapat dalam buku garis panduan tersebut adalah seperti berikut: (i) Peringkat Pra Penubuhan, di mana ia menerangkan mengenai pemilihan lokasi, pemilihan jenis premis, panduan kewangan dari segi kos permulaan dan kos operasi, syarat-syarat agensi teknikal (Pihak berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan), tempoh TASKA beroperasi dan penetapan yuran TASKA. (ii) Peringkat Penubuhan TASKA, di mana ia menerangkan aspek-aspek penting dalam proses permohonan pendaftaran TASKA seperti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mendapatkan kelulusan agensi teknikal, melengkapkan borang permohonan pendaftaran TASKA dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dan proses sehingga Perakuan Pendaftaran TASKA dikeluarkan. 2. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi menangani isu penderaan adalah : (i) KPWKM telah mengambil inisiatif mewujudkan Task Force Ramping Up The ECCE Industry (Task Force ECCE) yang berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak di TASKA. (ii) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 turut menambahbaik maklumat di dalam Daftar Kanak-Kanak, di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, Pengusaha TASKA boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut. (iii) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 juga memperuntukkan tindakan pengasuh dan hukuman kepada kes penderaan di TASKA. (iv) Mengadakan program advokasi seperti program Jom Daftar bagi setiap negeri untuk memastikan TASKA berdaftar dan ini dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA. (v) Memastikan semua TASKA memasang CCTV mengikut pekeliling Ketua Pengarah Bil 1/2015. (vi) Pegawai Diberi Kuasa TASKA (PDBK) membuat pemantauan berkala ke TASKA Berdaftar bagi memastikan TASKA mematuhi Akta dan Peraturan yang ditetapkan. (vii) Mengadakan audit pematuhan terhadap TASKA bagi memastikan Akta dan Peraturan TASKA dipatuhi. Sebagai kesimpulan, Kementerian amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak bukan sahaja di TASKA tetapi juga di tempat-tempat lain. Usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat amat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini.

